

TEKS
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

SESI PERBINCANGAN PROGRAM
PEMBANGUNAN POTENSI PELANCONGAN
KOPERASI DI LEMBAH SAHOM, KAMPAR,
PERAK

22 JULAI 2026 (RABU)

10.00 PAGI

DEWAN DIPANG, SAHOM VALLEY RESORT,
KAMPAR PERAK

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia MADANI dan Salam Koperasi.

SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri **Sesi Perbincangan Program Pembangunan Potensi Pelancongan Koperasi di Lembah Sahom** pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan pertemuan ini. Pertemuan kita pada hari ini merupakan satu agenda kritikal dalam memulakan satu gerakan pembangunan ekonomi komuniti yang mampu mengubah landskap pelancongan di Lembah Sahom ini.

Hadirin yang saya hormati,

3. Malaysia mempunyai lebih 16,468 buah koperasi dengan keanggotaan melebihi 7.3 juta anggota, Syer/Yuran sebanyak RM18.64 Bilion, Aset sebanyak RM186.7 Bilion dan perolehan mencecah RM81.6 Bilion

4. Gerakan koperasi dewasa ini aktivitinya bukan lagi hanya tertumpu kepada sektor peruncitan atau kewangan, malah telah berkembang menjadi pemain penting dalam sektor pelancongan, hospitaliti, agropelancongan, penjagaan kesihatan dan industri makanan.

5. Di bawah pemantauan ANGKASA, terdapat lebih **200 koperasi** yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam ekosistem pelancongan. Antaranya melibatkan koperasi hotel, homestay, lodge, spa, agropelancongan, pengangkutan pelancong, katering dan pelbagai perkhidmatan sokongan. Ini membuktikan bahawa koperasi

mempunyai kapasiti besar untuk menjadi pemacu pembangunan ekonomi setempat.

Hadirin yang saya hormati,

6. Lembah Sahom bukanlah sebuah kawasan pelancongan biasa. Saya melihat Lembah Sahom ini sebagai lembah semula jadi yang kaya dengan sumber alam, sungai yang bersih, kawasan berbukit, dusun buah-buahan, kebun pertanian dan warisan kampung Melayu. Keunikan inilah yang dicari oleh pelancong hari ini. Pelancong pada masa ini tidak lagi hanya mencari hotel mewah akan tetapi ramai yang mencari pengalaman yang imersif.

7. Mereka mahu menikmati suasana kampung, memetik buah-buahan, berkhemah di tepi sungai, menikmati makanan tradisional, berinteraksi dengan

komuniti tempatan dan merasai sendiri kehidupan desa Malaysia. Sebab itulah saya melihat Lembah Sahom mempunyai potensi yang luar biasa.

8. Saya tertarik dengan beberapa zon penginapan yang ditawarkan oleh **Sahom Valley Resort** termasuk **Heritage Village, Riverside Village, Bamboo Village dan Camping Village** yang menawarkan konsep **Agro & Eco Park**, menggabungkan penginapan kampung, chalet, tapak perkhemahan, aktiviti sungai, kolam, rekreasi keluarga dan program pembangunan pasukan dalam satu destinasi

9. Apa yang membanggakan, Lembah Sahom turut tersenarai sebagai salah satu produk agropelancongan yang dipromosikan di peringkat nasional melalui Tourism Malaysia dengan tarikan yang pelbagai seperti aktiviti berkayak, tubing,

ATV, flying fox, memanah, memancing, mini zoo dan pelbagai aktiviti rekreasi.

Hadirin yang saya hormati,

10. Usaha bersama yang kita jalankan ini juga selari dengan prestasi industri pelancongan negara. Pada tahun 2025, sektor pelancongan domestik Malaysia mencatat **290.1 juta lawatan pelawat domestik**, meningkat **11.5 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan pelancongan domestik pula meningkat kepada **RM121.3 bilion**, iaitu pertumbuhan **13.6 peratus**, sekali gus membuktikan bahawa rakyat Malaysia sendiri semakin cenderung memilih destinasi berasaskan alam semula jadi, rekreasi keluarga dan pengalaman komuniti sebagai pilihan utama percutian mereka.

11. Pada masa yang sama, prestasi pelancongan antarabangsa juga menunjukkan momentum yang amat memberangsangkan. Kerajaan telah menetapkan sasaran **45 juta ketibaan pelawat antarabangsa** dengan jangkaan hasil pelancongan sebanyak **RM270 bilion** bagi tahun 2025 sebagai persediaan menuju kempen **Tahun Melawat Malaysia 2026 (Visit Malaysia 2026)**. Sasaran ini memperlihatkan keyakinan tinggi terhadap keupayaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

12. Menjelang tahun 2026, prospek sektor ini dijangka terus berkembang seiring pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026. Malah, pada **suku pertama tahun 2026 sahaja**, Malaysia telah merekodkan **74.7 juta pelawat domestik**, meningkat **7.2 peratus** berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan perbelanjaan pelancongan domestik mencecah **RM34 bilion**. Ini memberikan isyarat yang jelas bahawa destinasi pelancongan berasaskan

komuniti, ekopelancongan dan agropelancongan seperti Lembah Sahom mempunyai ruang yang sangat besar untuk berkembang dan menarik lebih ramai pengunjung pada masa hadapan.

Hadirin yang saya hormati,

13. Saya percaya bahawa kekuatan sebenar Lembah Sahom bukan hanya terletak pada satu resort. Kekuatan sebenarnya ialah **keseluruhan ekosistem pelancongan** yang telah berkembang di kawasan ini. Terdapat pelbagai pengusaha chalet, resort, tapak perkhemahan, dusun, kebun, perusahaan makanan kampung, aktiviti rekreasi dan produk pertanian yang beroperasi di sekitar Lembah Sahom.

14. Saya percaya seorang pelancong yang datang ke Lembah Sahom bukan hanya menginap satu malam. Sebaliknya

mereka boleh menikmati pakej dua atau tiga hari melibatkan penginapan, aktiviti sungai, lawatan dusun, makanan kampung, hasil tani, kraftangan dan pengalaman budaya. Inilah nilai tambah yang mampu diwujudkan melalui model koperasi. Maka, gerakkanlah melalui usahasama secara berkoperasi.

Hadirin yang saya hormati,

15. ANGKASA melihat Lembah Sahom berpotensi menjadi **Model Kluster Pelancongan Koperasi Malaysia**. Saya ingin mencadangkan supaya satu pelan tindakan diwujudkan yang memberi fokus kepada lima bidang utama:

15.1 Pertama, penubuhan Kluster Pelancongan Koperasi Lembah Sahom yang menghimpunkan semua pemain industri.

15.2 Kedua, pembangunan pakej pelancongan bersepadu yang

menghubungkan resort, homestay, campsite, dusun, kebun dan produk komuniti.

15.3 Ketiga, pembangunan pemasaran digital melalui platform tempahan dalam talian, media sosial dan kandungan promosi profesional.

15.4 Keempat, pembangunan modal insan melalui latihan hospitaliti, pemandu pelancong komuniti, pemasaran digital serta pensijilan standard pelancongan dan lain-lain.

15.5 Kelima, pembangunan produk baharu berasaskan ekonomi desa seperti gastronomi, agro pelancongan, pelancongan pendidikan, retreat korporat dan pelancongan kesejahteraan.

16. Sekiranya semua ini dapat direalisasikan, saya percaya Lembah Sahom bukan sahaja akan menjadi destinasi pelancongan terkenal di Perak, malah mampu muncul sebagai contoh

terbaik pembangunan komuniti melalui koperasi di Malaysia.

Hadirin yang saya hormati,

17. ANGKASA komited untuk terus menjadi rakan strategik kepada semua pihak melalui latihan, pembangunan kapasiti, jaringan perniagaan, promosi, pendigitalan dan kerjasama bersama kementerian serta agensi berkaitan. Saya berharap sesi perbincangan pada hari ini akan menghasilkan cadangan yang praktikal dan boleh dilaksanakan demi manfaat masyarakat setempat.

18. Semoga usaha ini akan menjurus kepada terciptanya sebuah ekosistem pelancongan yang bukan sahaja menjana keuntungan tetapi turut mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia, meningkatkan pendapatan penduduk kampung serta memastikan

khazanah alam Lembah Sahom terus dipelihara untuk generasi akan datang.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.